

SANAD PENGAJIAN AL-QURAN: SUATU PERBINCANGAN AWAL

Muhammad Lukman Bin Ibrahimⁱ, Mohd Azhar B. Abdullahⁱⁱ

ⁱ(Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, N. Sembilan. Emel: mdlukman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra Nilam Puri 15730 Kota Bharu, Kelantan. Emel: drhar68@gmail.com

ABSTRAK

Dalam kalangan masyarakat Islam, pengajian al-Quran yang mempunyai sanad sangatlah dihormati. Di Malaysia mahupun di luar negara, ulama bidang al-Quran diberikan penghormatan yang tinggi. Mereka mengajarkan Al-Quran kepada masyarakat dan menghubungkan rantaian sanad sehingga Rasulullah saw. Sanad adalah budaya pengajian sejak generasi yang di namakan salaf al salih sebagai pembuktian dan perakuan ikatan antara guru dan murid. Ia menjadi kaedah dan budaya hingga ke zaman ini. Budaya pengajian seperti ini adakah suatu tuntutan atau keperluan? Ini adalah subjek perbincangan artikel ini.

Kata-kata kunci: Al-Quran, sanad, salaf,

Pendahuluan

Pengajian al-Quran telah bermula sejak zaman pertama kali wahyu diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Dan ia memerlukan masa yang lama. Penurunan ini disampaikan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui Jibril as dan diikuti oleh para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. Generasi berikutnya mencipta sistem terbaik dari perspektif mereka yang berkaitan dengan penerimaan dan penyebaran kalamullah ini. Sistem pembelajaran ini berasaskan sanad dan telah dibawa dari generasi ke generasi. Ia adalah sistem yang memastikan ilmu itu tulen, lebih-lebih lagi apabila ia disandarkan kepada Al-Quran yang sangat mulia.

Sistem ini kekal utuh kerana ia telah digunakan oleh generasi terdahulu sebagai method utama untuk menyebarkan ilmu Al-Quran sejak ribuan tahun lalu, dengan sebab itu, ia terus dipertahankan walaupun method lain wujud berdasarkan peredaran zaman.

Sistem sanad diasaskan oleh Rasulullah saw, iaitu talaqqi pada wahyu yang pertama dengan Jibril a.s. di gua Hira' iaitu,

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① حَلَقَ إِلَيْنَسَنَ مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأْ وَرَبِّكَ الْأَكْرَمُ ③
الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمِ ④ عَلَمَ إِلَيْنَسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Bermaksud : bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku, Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya. (Surah al'Alaq : 1-5)

Bermula dari talaqqi pertama tersebut baginda saw telah menerima wahyu secara berterusan dengan cara talaqqi dan musyafahah ini. Bahkan bila Baginda saw telah terburu mengikuti Jibril a.s membaca Al-Quran, maka Allah menegur Baginda saw,

فَتَعْلَمَ اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُفْضِي إِلَيْكَ
وَحْيِهِ، وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿٦﴾

Maksudnya : maka Maha Tinggilah Allah, Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang benar (pada segala-galanya). dan janganlah Engkau (Wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadaMu, dan berdoalah Dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku".(Surah Taha :114)

Kemudian Allah memberi jaminan bahawa alQuran akan dikumpulkan untuk Baginda saw, dan apabila di bacakan (oleh Jibril a.s) maka ikutilah sedikit demi sedikit.

إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعُهُ وَقُرْءَانُهُ ﴿١٧﴾
فِإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ ﴿١٨﴾

Maksudnya : Sesungguhnya Kamilah Yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, Dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu. (Surah al-Qiyamah : 17-18)

Bahkan peristiwa seperti ini adalah suatu kelaziman kepada Nabi saw ketika saban tahun Jibril datang untuk menyemak dan mengoreksi Al-Quran di dada Nabi saw,

إِنَّ جِبْرِيلَ كَانَ يُعَارِضُنِي الْقُرْآنَ كُلَّ سَنَةً مَرَّةً، وَإِنَّهُ عَارِضَنِي
الْعَامَ مَرَّتَيْنِ، وَلَا أُرَاهُ إِلَّا حَضَرَ أَجْلِي

Maksudnya : sesungguhnya Jibril a.s membentangkan (menyemak) AlQuran kepadaku sekali setiap tahun, (namun) kali ini beliau datang dua kali pada tahun ini. Aku tidak berpandangan melainkan ia menunjukkan ajal ku telah hampir. (Ibn Hajar, 2011)

Firman Allah dalam surah al-Qiyamah :17 dengan menyebut secara jelas berkenaan (فاتبع) *fattabi'* adalah asas paling utama dalam method talaqqi bersanad. Ia menerbitkan 2 perkara penting :

- 1- Pembelajaran AlQuran asasnya talaqqi dan musyafahah (secara bersemuka)
- 2- Rantaian dari guru kepada murid secara berterusan adalah sanad.

Sistem ini diterus pada masa generasi sahabat r.hum. tabiin, dan generasi selepasnya sehingga zaman kita pada hari ini.

أَقْرَأَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُورَةَ الرَّحْمَنِ فَخَرَجْتُ إِلَى الْمَسْجِدِ عَشِيًّا
فَجَلَسْتُ إِلَيْ رَفِيعٍ فَقُلْتُ لِرَجُلٍ : أَقْرَأْتَ عَلَيَّ إِذَا هُوَ يَقْرَأُ أَحَدًا لَا أَقْرَؤُهَا فَقُلْتُ :
مَنْ أَقْرَأَكَ ؟ فَقَالَ : أَقْرَأَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: Berkata Ibn Mas'ud r.a, Rasulullah saw mengajarkan kepadaku surah al-Rahman, kemudian daku keluar ke masjid pada waktu petang. Sekumpulan orang duduk berhampiran daku, lalu daku katakan, "Bacalah AlQuran", tiba-tiba mereka membaca ayat-ayat Al-Quran yang daku tidak baca (belajar) demikian. Maka daku bertanya. "Siapa yang ajar kamu seperti itu?" Dia menjawab "Rasulullah saw mengajarku demikian". (Syu'aib, 2005)

Hadith ini adalah berkenaan perbezaan bacaan (qiraat) yang telah ada pada zaman Rasulullah saw. Namun bukti penting disini adalah, mereka iaitu para sahabat r.hum telah bertalaqqi langsung dengan Rasulullah saw yang merujuk sistem sanad ini.

Begitu pula tabiin belajar Al-Quran secara talaqqi dengan sahabat r.hum. Sebagai contoh sesiapa yang mengambil sanad AlQuran akan mendapati nama Zirr bin Hubaisy, seorang tabiin yang mana beliau telah belajar kepada Ibn Mas'ud r.a dan Ali r.a.

Imam al Dhahabi menyebutkan, (alDhahabi, 2008)

وَقَرَأَ عَلَى ابْنِ مُسْعُودٍ وَعَلَيْ

Maksudnya : beliau membaca (belajar Al-Quran) dengan Ibn Masud r.a dan Ali r.a Dengan itu ia rantaian sanad ini berterusan dari satu generasi ke satu generasi yang lain hingga kini.

Kepentingan Sanad al-Quran

Sanad yang dimaksudkan di sini ialah alat atau ilmu yang mengkaji kesinambungan ilmu tertentu untuk memastikan bahawa ilmu itu benar. Selain itu, sanad ialah sumber ilmu Islam

yang digunakan sebagai garis panduan untuk menentukan hukum Islam dan melindungi agama ini daripada perubahan dan penipuan.(Rihab, 2008)

Kedudukan al-Quran memerlukan kepada perincian dan penelitian kerana al-Quran merupakan sumber utama dalam agama Islam dan merupakan sesuatu yang diterima melalui proses pemindahan maklumat. Hal ini menunjukkan bahawa ilmu sanad akan menentukan kedudukan ilmu tersebut sama ada sanad tersebut sahih atau daif, bersambung atau terputus, dan sebagainya. (Amin, 2013)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوهُ أَنْ تُصِيبُوا
قَوْمًا بِمَا نَجَّهَ لَهُ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya : Wahai orang-orang Yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum Dengan perkara Yang tidak diingini - Dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa Yang kamu telah lakukan. (Surah al-Hujurat : 6)

Imam Ibn Mubarak berkata (Abu Shahbah, 2001)

الإسناد من الدين ولو لا الإسناد لقال من شاء ما شاء

Maksudnya : Isnad itu adalah bahagian dari agama (Islam), tanpa isnad seseorang boleh berkata (apa sahaja) yang ia mahukan.

Sanad adalah keistimewaan unggul kepada umat Islam. Abdullah bin Mubarak berkata bahawa "al-isnad (sanad-sanad) adalah sebahagian daripada agama, tanpanya, sesiapa sahaja akan menyatakan apa sahaja yang ia suka. Ia ibarat senjata para mukmin. Jika seseorang individu tidak mempunyai jenis senjata yang dia inginkan untuk berperang, maka ia akan mudah dikalahkan musuh. Sufyan ibn 'Uyaynah meriwayatkan bahawa Imam al-Zuhri membacakan satu pada satu hari hadis, maka saya memintanya, "Berilah aku hadis itu tanpa sanadnya." Berkata imam Zuhri, adakah kamu ingin memanjat tanpa tangga?(al-Suyuti, 1994)

إِنْ هَذَا الْعِلْمُ دِينٌ، فَانظُرُوا عَمَنْ تَأْخُذُونَ دِينَكُمْ

Pendapat Ibn Sirin, (Ibn abi hatim, 2006) disampaikan berkaitan dengan sanad "sesesungguhnya ilmu ini merupakan sebahagian daripada agama, jadi perhatikan dari siapa kamu mengambil agama kamu.

Kesahan Sanad

Kesahan penerimaan sesuatu bacaan adalah berdasarkan kepada 3 syarat utama (Manna' Qattan, 2003):

- 1- Sanad yang sahih
- 2- Bertepatan dengan salah satu kaedah bahasa Arab
- 3- Bertepatan dengan Rasm Uthmani

Tadlīs terhadap al-Quran merupakan satu penyelewengan dan pemalsuan terhadap kitab suci al-Quran yang tidak sepatutnya dilakukan terutamanya dalam kalangan para qurra' dan guru-guru al-Quran. Sebab utama tadlīs terhadap al-Quran ini dikaji adalah untuk menjaga syarat yang paling penting di dalam penerimaan bacaan al-Quran iaitu kesahihan sanad. Tadlīs ini disebut sebagai Tadlīs al-Isnād. Sebagaimana yang telah dijelaskan di awal kajian ini, tiga syarat penerimaan bacaan al-Quran adalah sanad yang sahih, bertepatan dengan salah satu kaedah bahasa Arab dan bertepatan dengan rasm uthmani.(Mohamad Redha, 2023)

Ini ditegaskan oleh Imam Ibn alJawzi (Ibn Jawzi, 2006)

ومن ذلك أن منهم من يتسامح بادعاء القراءة على من لم يقرأ عليه وربما كانت له إجازة منه
فقال أخربنا تدليسًا وهو يرى أن الأمر في ذلك قريب لكونه يروي القراءات ويرها فعل خير
وينسى أن هذا كذب يلزمه إثم الكاذبين

Maksudnya : Sebahagian darinya ialah seorang yang bermudah-mudah membuat dakwaan ia membaca dengan seorang syaikh sedang ia tidak pun membacanya, walaupun boleh jadi mempunyai ijazah darinya, lalu dia berkata “telah mengabarkan kepada kami” secara tadlis, dan dia menyangka bahawa perkara tersebut dekat kerana keadaannya yang meriwayatkan Qiraat, juga ia merasa berbuat baik, tetapi ia lupa bahawa perbuatan tersebut adalah pembohongan dan dikira sebagai dosa berbohong.

Sehingga kini belum ada badan atau institusi yang dapat membuat semakan secara rasmi tentang kesahan ijazah sanad dan rantaian yang diberikan dari seorang guru kepada muridnya serta seterusnya.

Perkara ini boleh diketengahkan untuk perhatian pihak berwajib kerana sanad-sanad AlQuran sudah mula tersebar secara terbuka. Ada pihak yang membuat pengakuan dari syaikh tertentu dan pengakuan seperti ini perlu dibuktikan lebih-lebih lagi ada pihak yang mungkin mengambil kesempatan darinya.

Isu-Isu Penganugerahan Sanad

Sebahagian Syaikh Muqri' yang mempunyai sanad, telah bermudah-mudah dalam memberi sanad kepada para muridnya. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan perkara berikut :

- 1- Ada kalangan murid yang ada sanad dari gurunya, namun bacaannya dikira lemah kerana kesalahan yang tidak sepatutnya seperti kesalahan makhraj yang jaliy, haq mustahaq huruf, tarqiq tafkhim yang memungkinkan keraguan pada sanad yang dimilikinya. Pendek kata ia seperti baru mempelajari AlQuran.
- 2- Ada di kalangan murid yang mengkhatamkan AlQuran 30 juzuk mengambil masa 2 minggu sahaja di hadapan syaikh. Dengan nisbah bacaan adalah 3 juzuk satu hari. Ini berdasarkan pengakuan pelajar tersebut dan rakan-rakannya yang mendapat sanad melalui kaedah yang sama. Pada dasarnya bacaan 3 juzuk satu tidaklah mustahil untuk dilakukan. Namun hambatan masa dan keletihan akan menyelubungi murid dan guru. Dengan sebab itu, ketelitian sanad bacaan akan berkurang kerana hambatan yang disebutkan.
- 3- Ada pula dari kalangan guru yang mendengar bacaan murid 3-5 pelajar sekaligus. Penulis secara peribadi telah menyaksikan situasi ini di salah sebuah maahad tahlif di Kelantan. Apabila 3 murid membaca AlQuran sekaligus. Namun perlu diingat, keadaan tersebut hanya berlaku kepada pelajar yang mengulangkaji AlQuran, iaitu hafazan yang telah kuat dan bukan hafazan baru.
- 4- Apa yang berlaku semasa bacaan sanad amat berbeza kerana ia perlu diteliti dan tidak mungkin dapat dilakukan dengan beberapa murid membaca secara serentak.
- 5- Murid ingin mengkhatamkan dengan segera talaqqi dan mendapat sanadnya. Sedangkan bacaannya masih belum matang untuk diberi sanad. Lalu guru bertolak ansur dalam hal ini dan memberikan juga sanad walau pun secara asasnya belum mampu dianugerahkan sanad bacaan Al-Quran.

Kesimpulan

Pengajian sanad al-Quran adalah kaedah yang berterusan dan masih digunakan hingga hari ini. Seorang qari akan mempelajari sebutan dan bacaan yang bersambung terus kepada Rasullah saw melalui pengajian talaqqi dan musyafahah. Pembelajaran ini diwarisi dari ulama dahulu kala, bahkan mereka akan memulakannya sejak usia kecil. Dari situ, asas pengajian ilmu ilmu yang lain juga melalui rantaian pengajian sanad.

Seseorang harus mengikuti guru yang mursyid dan mu'tabar untuk mendalamai ilmu al-Quran. Oleh itu, kesahan dan penilitian maklumat yang boleh diterima adalah sangat penting, terutamanya dalam era langit terbuka ini tanpa pengawalan maklumat. Penelitian sanad al-Quran juga memerlukan perhatian yang sama. Ini disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab sebahagian guru bersanad yang menyebarkan sanad tanpa memenuhi piawaian sanad al-Quran. Selain itu, mereka juga mendakwa bahawa sanad yang diperolehi adalah sanad yang paling tinggi dan paling dekat walaupun sebenarnya ia bercanggah dengan disiplin ilmu sanad al-Quran. Ada juga pengakuan dari pelajar pelajar yang mengambil sanad dengan hanya membaca selama 2 minggu dengan syaikhnya. Begitu pun ada yang membaca beberapa surah dan menerima sanad yang sempurna.

Justeru perkara sebegini adalah ketidakamanahan dalam ilmu sanad AlQuran. Sekiranya method yang telak diletakkan oleh para ulama lepas, ditinggalkan, maka ia akan mendatangkan keceluaran dan caca marba kepada ilmu yang sangat mulia ini.

RUJUKAN

- Abu Shahbah Muhammad, (2001), *al-Wasit fi Ulum Mustalah Hadith*, Maktabah Nur hal 47.
- al-Dhahabi (2008), *Siyar al-A'lam al-Nubala'*, Dar ibn al-Jazari, jil 4,hal 167.
- al-Suyuti 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr, (1994), *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, j.1, ms. 94.
- Ibn abi hatim (2006) *al Jarh wa al-Ta'dil*, maktabah al-rusd 2 15
- Ibn al-jawzi (2006) *Talbis Iblis*, dar al-muttaqin jil 1 hal 110,
- Ibn Hajar al-Asqalani (2011), *Fath al-bari syarh sahih albukhari*, dar alRisalah, hadith no 4497
- Manna' Qattan, (2003), *Mabahith fi Ulum al-Quran*, maktabah Nur, jil 1, hal 167.
- Nur al-Din 'Itir (1997), *Ulum al-Quran al-Karim*, muassasah al-Risalah, ms. 55
- Rihab (2008) *Rif'at Fawzi, Asah al-Asanid*, Dar alwafa' hal 30.
- Syu'aib al-Arna'ut (2005), *Takhrij Sahih ibn Hibban*. Muassasah al-Risalah, No Hadith 747
- Mohamad Redha mohamad (2023). *Faktor-faktor Ketidaksambungan Sanad Talaqqī Al-Quran*. Jurnal Qiraat, <https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/59>